



PENGENALAN

Anugerah Sekolah Hijau ini dibentuk sebagai program pengauditan alam sekitar bagi sekolah-sekolah di sekitar kawasan Majlis Perbandaran Kajang. Tujuan pelaksanaan ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar bekerja sebagai satu pasukan dalam memelihara alam sekitar di peringkat sekolah. Penganugerahan ini berasaskan kepada pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan berterusan melalui pengurangan sisa-sisa, pemeliharaan sumber dan lain-lain lagi. Pihak sekolah adalah digalakan menyertai penganugerahan ini. Diingatkan supaya sentiasa mengamalkan penjarakkan sosial dan amalan kebersihan yang disarankan oleh Kerajaan Malaysia sepanjang pelaksanaan aktiviti / program.

Dengan mengambilkira situasi semasa untuk menangani penularan Covid-19, pengauditan akan dilakukan secara atas talian. Pihak sekolah perlu mengemukakan **laporan aktiviti sekolah** yang berkaitan dengan ciri-ciri sekolah hijau serta menyertakan **video pembuktian aktiviti berdurasi maksimum 10 minit**.



KRITERIA PENILAIAN

Setiap kategori akan dinilai mengikut kriteria seperti berikut:

1. KITAR SEMULA (20 MARKAH)

3R (Reduce, Reuse and Recycle)

Mengurang – beli dan guna apa perlu sahaja

Guna semula – fikir sebelum buang

Kitar semula – jadikan sisa sebagai sumber

2. INOVASI DAN KREATIVITI (20 MARKAH)

Sisa Makanan

Sisa makanan dikumpul untuk dijadikan makanan ternakan atau dibuat kompos.

Minyak Masak Terpakai

Kumpul minyak terpakai untuk dijual atau membuat sabun untuk kegunaan sekolah.

Penjimatan Tenaga/Elektrik

Idea atau program penggunaan tenaga alternatif.

Penjimatan Air

Program penjimatan air atau guna air hujan untuk membasuh atau menyiram pokok.

3. KEBERSIHAN (20 MARKAH)

Bahan Pembersih

Guna bahan pencuci semulajadi seperti serai wangi dan cuka.

Beg Plastik

Beg plastik atau polisterin tidak digunakan untuk membungkus makanan.

Kebersihan Kawasan Sekolah

Kebersihan kawasan sekolah dijaga setiap masa.

4. PENGHIJAUAN (20 MARKAH)

Tanam Pokok/ Lanskap

Menjaga bilangan pokok sedia ada dan menanam pokok-pokok baru.

5. PERSEMBAHAN (LAPORAN DAN VIDEO) (20 MARKAH)

Pembuktian aktiviti / program

Persembahan berbentuk video berdurasi maksimum 10 minit menunjukkan pembuktian aktiviti.

Lain-lain

Lain-lain pelaksanaan seperti inisiatif - inisiatif SDG dan penyertaan / penganugerahan di peringkat kebangsaan seperti Anugerah Kejiranan Hijau dan LCC2030 Challenge.



SENARAI HADIAH

1. Kategori Sekolah Rendah

- a. Pertama x 1 : RM 1000 + piala + sijil
- b. Kedua x 1 : RM 800 + piala + sijil
- c. Ketiga x 1 : RM 500 + piala + sijil
- d. Keempat x 1 : RM 300 + piala + sijil
- e. Kelima x 1 : RM 200 + piala + sijil

2. Kategori Sekolah Menengah

- a. Pertama x 1 : RM 1000 + piala + sijil
- b. Kedua x 1 : RM 800 + piala + sijil
- c. Ketiga x 1 : RM 500 + piala + sijil
- d. Keempat x 1 : RM 300 + piala + sijil
- e. Kelima x 1 : RM 200 + piala + sijil



GARIS MASA PERTANDINGAN

Tarikh tutup penghantaran penyertaan:
29 April 2022 (Jumaat)

Tarikh tutup penghantaran laporan berserta video pembuktian:
28 Oktober 2022 (Jumaat)

Tarikh penilaian panel:
***November 2022**

Tarikh penyampaian hadiah :
***Disember 2022**

*Tarikh sebenar akan diberitahu oleh pihak urusetia melalui surat kepada peserta yang terlibat